

19 JUN 2003

Mahathir-Malaysia

MALAYSIA TELAH BANYAK BERUBAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan melepaskan jawatannya dalam masa empat bulan dari sekarang, hari ini menyuarakan penghargaannya kepada seluruh rakyat, khususnya orang Melayu berikutan kejayaan mereka memartabatkan bangsa dan negara dalam tempoh 46 tahun selepas merdeka.

Beliau bangga melihat Malaysia membangun dengan begitu pesat daripada sebuah jajahan British yang daif sehingga muncul sebagai sebuah negara yang terkenal di seluruh dunia kerana peranannya di arena antarabangsa, suaranya lantang dan pendapatnya dihormati.

Sambil mengajak rakyat merenung sejenak kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh negara dalam jangka masa itu, Dr Mahathir menyebut pembangunan infrastruktur yang pesat, kelahiran golongan profesional dan intelek, kejayaan mendaki Gunung Everest serta melahirkan syarikat minyak gergasi, Petronas, sebagai sebahagian daripada pelbagai kejayaan yang dicapai hasil pimpinan kerajaan Barisan Nasional dengan Umno sebagai parti tunggal.

Katanya semua pencapaian itu menunjukkan kebolehan rakyat negara ini termasuk orang Melayu/Bumiputera untuk meningkatkan taraf hidup mereka sejajar dengan perkembangan semasa.

Pentadbir Melayu juga berjaya mengurus pembangunan Malaysia dengan begitu baik sehingga mereka diundang untuk menasihati negara-negara lain dalam pelbagai urusan pentadbiran dan pembangunan, kata beliau.

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata Malaysia kini sudah terkenal di seluruh dunia kerana peranannya di arena antarabangsa.

"Suaranya lantang dan pendapatnya dihormati. Keupayaan Malaysia menangani krisis kewangan pada tahun 1997-1998 dengan caranya sendiri sudah diakui," katanya.

Dr Mahathir berkata kecekapan eksekutif Melayu/Bumiputera dalam pengurusan syarikat gergasi terbukti dengan pelantikan mereka sebagai pengurus eksekutif dalam syarikat gergasi milik asing.

Petronas, sebuah syarikat milik kerajaan diurus oleh pengurus dan pegawai tinggi Melayu bersama dengan yang bukan Melayu.

"Daripada sebuah syarikat petroliaam nasional yang biasanya bergerak hanya dalam negara, Petronas sekarang terkenal sebagai syarikat petroliaam antarabangsa yang aktif di 32 buah negara di dunia dengan mencarigali, mengeluarkan dan memasarkan minyak dan gas di seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata Petronas yang disenarai antara 500 buah syarikat gergasi di seluruh dunia juga terlibat dalam industri petro-kimia secara besar-besaran.

"Jelas sekali ramai Melayu/Bumiputera mempunyai kebolehan dan kecekapan yang sama dalam bidang perniagaan seperti kaum lain. Mereka boleh dan mereka telah buktikan kebolehan mereka," katanya.

Beliau berkata pembangunan yang pesat telah dicapai dalam penyediaan infrastruktur antaranya lebuh raya Utara-Selatan dan Barat-Timur di Semenanjung Malaysia.

Walaupun di Sabah dan Sarawak jalan raya belum sampai ke taraf lebuh raya tetapi ianya adalah jauh lebih baik daripada yang terdapat semasa zaman British, katanya.

Kawasan luar bandar juga sudah berubah dengan jalan-jalan kampung bertar, sekolah dan klinik serta bekalan elektrik dan air.

Beliau berkata bandar-bandar telah tumbuh dengan pesatnya dengan

bangunan pencakar langit menggantikan ladang getah dan kelapa sawit.

Kuala Lumpur terkenal dengan Menara Berkembar Petronas dan Menara Kuala Lumpur manakala pembangunan di Putrajaya mencerminkan seni budaya serta kemajuan yang dicapai oleh Malaysia, kata Perdana Menteri.

Perbezaan ekonomi antara kaum sudah berkurangan sekarang dan pesawah serta nelayan Bumiputera mempunyai anak yang menjadi ahli profesional, pegawai tinggi kerajaan, profesor, panglima angkatan tentera dan jutawan, katanya.

Perdana Menteri berkata semangat dan jiwa besar mereka juga diperlihatkan apabila adanya anak Melayu yang sanggup belayar seorang diri mengelilingi dunia, mendaki gunung Everest, berenang 48km dari daratan ke Langkawi dan menjadi juara badminton.

-- BERNAMA

JM JH ROS